

Exco sahkan projek ragut 11 nyawa tiada kelulusan JAS

P. PINANG AKUI

UM-1
24/10

➤ Kerajaan DAP Pulau Pinang akui lulus projek lereng bukit di Tanjung Bungah yang mengorbankan 11 nyawa walaupun tidak disokong oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

➤ Exco Kerajaan Negeri, Chow Kon Yeow tegaskan, mereka tidak bergantung kepada JAS dalam melaksanakan projek.

➤ Keputusan dibuat berdasarkan penilaian Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) PBT.

➤ Pelbagai pihak salahkan kerajaan negeri, anggap tindakan luluskan projek tersebut melanggar aspek perundangan.

“Sikap ambil mudah kerajaan negeri tidak mengendahkan risiko bencana yang akan berlaku menunjukkan tahap pengurusan lemah dalam memberi kelulusan projek.”

PROF. EMERITUS DATUK DR. IBRAHIM KOMOO
Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Majlis Profesor Negara

BERITA PENUH DI MUKA 13

MAYAT Yuan Kuok Wern, mangsa terakhir yang ditemukan tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah, Pulau Pinang, Sabtu lalu dibawa keluar oleh pasukan pencari dan penyelamat, semalam. - BERNAMA

